

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan



UNISSA mercu keunggulan pendidikan Islam

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah ditubuhkan sebagai universiti kedua di Negara Brunei Darussalam, merupakan mercu tanda kecemerlangan pendidikan Islam bagi peringkat pengajian tinggi di negara ini.

Ditubuhkan pada 1 Januari 2007 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, UNISSA dijadikan sebagai sebuah pusat ilmu Islam tulen, yang melahirkan para ulama dan cendekiawan berwibawa dan mampu memenuhi aspirasi negara.

UNISSA telah diterajui empat orang rektor, yang bermula dengan kemasukan pelajar seramai 107 orang pada tahun pertama penubuhannya. Kini, universiti ini berjaya menempatkan 1,575 pelajar dalam pelbagai bidang pengajian, sama ada Ijazah Sarjana Muda mahupun pasca sarjana, dengan purata peningkatan pelajar baharu setiap tahun sebanyak 19 peratus.

Melihat perkembangan positif itu juga, UNISSA semakin menjadi pilihan para pelajar dalam dan luar negara, di mana sehingga kini, UNISSA menjadi pusat pengajian kepada lebih 190 pelajar antarabangsa, dari 34 buah negara, yang mengikuti pelbagai bidang dan peringkat pengajian di universiti berkenaan dan telah berjaya melahirkan lebih daripada 1,020 graduan dalam pelbagai peringkat pengajian.

Sejak Majlis Hafli Al-Takharruj Pertama pada tahun 2011, universiti ini berjaya mengeluarkan graduan-graduan menandakan penambahan sumber tenaga manusia yang berilmu yang setentunya menjadi tanda kualiti sosial kian meningkat.

Untuk tahun ini, Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10 universiti ini bakal melibatkan 292 graduan menerima ijazah iaitu 109 dalam kalangan mahasiswa dan 183 mahasiswi. Pada tahun ini, seramai 15 graduan mendapat Kelas Pertama Sarjana Muda.

Daripada jumlah tersebut, seramai lapan orang memperoleh Ijazah Doktor Falsafah, 44 graduan memperoleh Ijazah Sarjana, 187 graduan memperoleh Ijazah Sarjana Muda, 13 graduan memperoleh Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syari'e, sembilan graduan menerima Diploma Lulusan Ijazah dan 31 orang menerima Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah.

Pada tahun ini, kita juga akan menyaksikan penganugerahan kali pertama buat dua kursus pengajian iaitu Program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat seramai tujuh graduan dan Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam & Sijil Kelayakan Menjadi Ahli Bersekutu dalam Kewangan Islam seramai sembilan graduan.

Oleh kerana Hafli Al-Takharruj Ke-10 tahun ini diadakan ketika mana negara menghadapi wabak COVID-19 maka pihak

UNISSA bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Kesihatan dan telah menyusun beberapa langkah keselamatan berpandukan nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan. Antaranya ialah :

- Melaksanakan langkah-langkah pencegahan pra-acara di mana semua bakal graduan, Ahli Majlis UNISSA, Pegawai-Pegawai Utama UNISSA, tenaga akademik dan ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dikehendaki untuk menjalani ujian swab mandatori dan arahan pengasingan diri dalam tempoh lima hari sebelum majlis diadakan.

- Para bakal graduan dan semua yang terlibat juga dimestikan untuk mengemas kini status BruHealth setiap hari dalam tempoh 14 hari sebelum acara.

- Manakala pada hari acara, para graduan dan semua yang hadir di Pusat Persidangan Antarabangsa adalah dikehendaki untuk menjalani pengesanan suhu badan dan pengesanan aplikasi BruHealth.

- Pada tahun ini, jempunan amat terhad iaitu hanya terdiri daripada Ahli Majlis UNISSA, Pegawai-Pegawai Utama UNISSA dan Tenaga Akademik sahaja. Manakala para ibu bapa yang hadir akan berkumpul dalam dewan lain dan menyaksikan anak-anak mereka menerima ijazah melalui *live screen* yang disediakan.

- Selain itu, susun atur kerusi-kerusi juga adalah dalam bentuk penjarakan.

Pencapaian

UNISSA menerusi Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) pada 14 September 2020 melakar detik bersejarah apabila untuk kali kedua berturut-turut mengungguli Anugerah Global Islamic Finance Award 2020 (GIFA 2020) bagi Kategori GIFA Market Leadership Award 2020 (Education in Islamic Banking and Finance), mendahului tiga calon institusi lain, pada peringkat global.

Kali pertama FEKIm, UNISSA menerima Anugerah GIFA dalam kategori yang sama pada 16 September 2019, bertempat di Cape Town, Afrika Selatan.

GIFA adalah salah satu anugerah paling berprestij dan dihormati dalam dunia perbankan dan kewangan Islam global. GIFA dianugerahkan kepada kerajaan, institusi, dan individu yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam menyumbang kepada kemapanan bidang perbankan dan kewangan Islam sebagai sebuah sistem yang berdaya maju di arena global. Pada setiap tahun, Jawatankuasa Anugerah GIFA mengiktiraf institusi dan individu dari seluruh pelosok dunia atas sumbangan luar biasa mereka kepada pembangunan bidang tersebut.

Dalam agenda pengantarabangsaan pula, setakat ini UNISSA telah menjalinkan hubungan strategik dengan universiti dalam dan luar negara di mana sebanyak 175 Memorandum Persefahaman telah dimeterai. Dengan adanya jalinan strategik tersebut, membuka banyak peluang kerjasama sinergi dan perkongsian ilmu juga penerokaan penyelidikan.

Di samping itu, UNISSA turut menganggotai lapan pertubuhan universiti berprestij peringkat serantau dan antarabangsa, di mana penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah bagi memastikan kualiti akademik yang ditawarkan di UNISSA setara dengan universiti-universiti lainnya, di peringkat antarabangsa.

UNISSA terus beriltizam untuk meningkatkan kualiti akademiknya dan bersedia menawarkan program-program akademik merentasi disiplin dalam usaha membantu kerajaan melahirkan 'Generasi Beragama dan Progresif' dengan menyediakan program-program akademik yang lebih fleksibel, dinamik dan *marketable* berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara.

Oleh itu, adalah diharapkan para graduan agar ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang mengikuti pengajian di UNISSA hendaklah dipraktikkan dan dikembangkan lagi demi sama-sama mencapai Wawasan Negara 2035.

